

Banjir kilat rosakkan harta benda

S.H 14/10/02 MS 10



Banjir kilat yang mulai surut.

■ ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD

BUKITBELIMBING—Penduduk Taman Harmoni meluahkan kekhuatiran mereka berikutan masalah banjir kilat yang berlaku setiap kali hujan lebat.

Sinar Harian difahamkan, sudah enam kali banjir kilat berlaku di sini sejak kawasan tersebut diduduki pada 2000 lalu dan ia semakin kritikal sejak tiga tahun lepas.

Menurut Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Harmoni, Noorhisham Hashim, kejadian terbaru berlaku kelmarin apabila hujan lebat tanpa henti selama dua jam menyebabkan air dari longkang di kawasan ini melimpah ke jalan raya hingga memasuki rumah penduduk.

Katanya, punca utama kejadian banjir kilat dipercayai

akibat sistem perparitan yang kurang sempurna.

"Longkang-longkang di sini terlalu kecil dan tidak mampu menampung air yang banyak ketika hujan lebat.

"Pada kejadian kali ini (kelmarin), air naik sehingga paras pinggang dan menenggelamkan dua kenderaan iaitu Proton Waja dan sebuah van kerana penghuni rumah tersebut tiada di rumah," jelasnya.

Tambahnya, beliau dimaklumkan pada awalnya Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ingin membina longkang besar di hujung perumahan itu bagi mengatasi masalah tersebut, bagaimanapun sehingga kini ia masih belum dijalankan.

Mangsa lain, Sofi Mohd Noor berkata, setiap kali banjir kilat berlaku mereka sekeluarga mengalami kerugian besar.

"Saya sudah membelanjakan wang yang banyak untuk mengubah suai rumah ini menjadi lebih tinggi, tetapi paras air banjir masih juga naik sehingga 1.5 meter.

"Selalunya kami tidak sempat untuk menyelamatkan barangan ini kerana air naik dengan cepat dan disebabkan hujan, kami tidak tahu ke mana mahu mengalihkannya, terutama peralatan elektrik," katanya.

Pada penghujung tahun lalu menurutnya, mereka sekeluarga mengalami kerugian besar akibat kerosakan barangan rumah termasuk persiapan perkahwinan anak mereka.

Penduduk di sini sangat mengharapkan tindakan segera pihak MPKj bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang membelenggu mereka sejak beberapa tahun lalu.